



## NOTA PENYELIDIKAN

### Faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku dalam kalangan penyokong pasukan bola sepak di Malaysia

Nur Hafizah Yusoff<sup>1</sup>, P. Sundramoorthy<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang

Correspondence: Nur Hafizah Yusoff (email: nur\_hafizah@ukm.edu.my)

#### Abstrak

Kehadiran penyokong yang ramai apabila sesuatu perlawanan bola sepak berlangsung, adakalanya memberi kesan negatif terutama dari aspek keselamatan. Sukar bagi anggota keselamatan untuk memastikan semua penyokong yang berada di stadium mematuhi norma dan peraturan yang telah ditetapkan. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan pola salah laku penyokong pasukan bola sepak di Malaysia serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Bagi tujuan tersebut satu survei telah dijalankan terhadap 600 orang yang terdiri daripada penyokong pasukan bola sepak Kelantan, Johor, Selangor dan Perak. Salah laku yang kerap dilakukan penyokong pasukan bola sepak termasuklah yang melibatkan *verbal* dan fizikal. Antara jenis salah laku *verbal* yang dilakukan oleh penyokong bola sepak adalah mengeluarkan perkataan lucah terhadap pemain dan pasukan lawan serta melakukan provokasi terhadap penyokong lawan. Manakala, bagi salah laku fizikal pula, penyokong bola sepak lebih banyak terlibat dalam insiden membaling objek ke tengah padang serta menyalakan suar. Antara faktor utama yang menyumbang kepada salah laku penyokong semasa berada di stadium termasuklah ketidakpuasan hati terhadap pengadil dan kekecewaan terhadap kekalahan pasukan yang disokong. Faktor ini menjadi penyebab kepada kelakuan agresif para penyokong. Sebagai seorang penyokong, sikap profesional dan semangat kesukanan harus ada dalam diri setiap penyokong bagi memastikan mereka tidak mudah terikut dengan emosi jika pasukan mengalami kekalahan.

**Katakunci:** bola sepak, kekasaran, penyokong, salah laku, salah laku fizikal, salah laku verbal

## RESEARCH NOTE

### Factors influencing misbehaviours of football fans in Malaysia

#### Abstract

The presence of vast numbers of supporters at the stadium may produce a negative impact, especially in terms of safety as it is difficult for security officers to ensure that they all comply with the norms and regulations. This research discussed the patterns of football fans' misbehavior in Malaysia and factors that influenced them based on a field survey of 600 fans of Kelantan, Johor, Selangor and Perak football teams. The findings revealed that the most common misbehaviors of football fans were verbal and physical such as shouting obscene words toward players and opponent fans and engaging in provocative actions such as throwing objects onto the field and lighting flares. The main factors leading to these sometimes aggressive misconducts (hooliganism) were dissatisfactions with referees and defeat disappointments. As supporters they should exhibit professional attitudes and sportsmanship spirit.

**Keywords:** football fans, hooliganism, misbehaviours, physical misbehaviour, sportsmanship, verbal misbehaviour

## Pengenalan

Sukan bola sepak sememangnya tidak dapat dinafikan memainkan peranan yang cukup besar dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Hal ini kerana, bola sepak dikenali sebagai sukan *worldwide*, ianya dimainkan di serata dunia dan mempunyai pengikut yang tersendiri. Para pengikut ini pula tidak hanya mengikuti perkembangan bola sepak pasukan mereka semata-mata, malah ada yang mengikuti perkembangan pemain kesayangan mereka sama ada di dalam mahupun di luar padang.

Sokongan terhadap sukan bola sepak dapat disaksikan setiap kali berlangsungnya pertandingan Piala Dunia (World Cup) yang dianjurkan setiap empat tahun sekali. Dianggarkan seramai 36 juta penonton serata dunia menyaksikan Piala Dunia setiap kali ianya berlangsung. Jumlah penaja bagi setiap liga bola sepak juga makin bertambah dan menyaksikan sukan bola sepak itu sendiri bersifat profesional dan diurus tadbir dengan baik. Coackley (2000) menegaskan bahawa proses komersialisasi, profesionalisasi dan globalisasi telah mewujudkan satu era baru dalam dunia sukan dan menimbulkan elemen dramatik bagi kebanyakan sukan. Seperti mana institusi sosial yang lain, sukan juga mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui sukan, individu dapat mempelajari bagaimana menjadi sebahagian daripada sistem sosial dengan cara menetapkan matlamat, mengekalkan disiplin, menagani keganasan dan beradaptasi terhadap sebarang perubahan (Houlihan, 2008).

Sukan tidak dapat bertahan dan berkembang jika tiadanya sokongan daripada para penonton. Tidak dapat dinafikan hubungan yang terjalin antara pasukan dan penyokong adalah bersifat dua hala. Kedua-dua belah pihak mempunyai kepentingan tersendiri. Para penyokong mengharapkan pasukan dan pemain kesayangan mereka dapat beraksi dengan baik dan menang pada setiap perlawanan. Bagi mereka, setiap wang dan tenaga yang dilaburkan berbaloi apabila kemenangan dapat dicapai. Senandainya keputusan tidak berpihak kepada pasukan mereka, terdapat kecenderungan untuk para penyokong merasa sedih, marah dan tidak berpuas hati yang akhirnya membawa kepada kejadian salah laku (Spaiij, 2006).

Kes-kes berkaitan dengan kekasaran, keganasan, jenayah dan *hooligan* bukanlah merupakan kes baharu terutama dalam sukan bola sepak. Perlakuan jenayah merupakan antara permasalahan sosial berkaitan dengan aktiviti sukan yang melanda kebanyakan negara di dunia (Nor-ina Kanyo et al., 2015) dan jenayah ini boleh terjadi dalam pelbagai cara dan aspek. Salah laku dan dalam sukan tidak terhasil secara sendiri. Banyak faktor yang menjadi penyumbang kepada wujudnya salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak, antaranya ialah aspek sosial, budaya, lokaliti, komersial, ideologi, gender dan kelas sosial serta situasi politik semasa (Coackley, 2009). Selain itu, kejadian salah laku turut didorong oleh faktor penyokong yang gemarkan konsep hiburan dalam sukan atau *entertainment oriented*. Penyokong jenis ini, sering mencari nilai hiburan yang boleh mereka dapati semasa menyaksikan perlawanan bola sepak, dan jika tiadanya elemen hiburan mereka tidak akan teragak-agak untuk mewujudkan nilai hiburan sendiri (Allsop, 1997). Faktor maskuliniti juga sering dikaitkan dengan kejadian salah laku membabitkan penyokong bola sepak. Menurut Otto (1999) dan Dunning (2000), permainan bola sepak yang sememangnya melibatkan aktiviti fizikal di tengah padang, kadangkala terbawa-bawa oleh penyokong yang berada di dalam stadium, penyokong turut menginginkan aktiviti fizikal turut sama berlaku dalam kawasan penyokong. Justeru itu tidak hairanlah jika terdapat sesetengah penyokong yang memilih untuk membaling objek, menyalakan suar atau merosakkan kerusi stadium semasa menyaksikan perlawanan bola sepak (Guttmann, 1998; Wann & Branscombe, 1993). Salah laku membabitkan penyokong bola sepak dapat dibahagikan kepada dua, iaitu secara *verbal* (perkataan) mahupun fizikal. Tingkah laku yang melibatkan fizikal merujuk kepada sebarang kelakuan yang menggunakan anggota badan atau senjata seperti pistol, pisau, batu, botol, payung atau sebarang bentuk senjata berbahaya dan mempunyai niat untuk mencederakan orang lain (Fikret & Bilal, 2005). Manakala, keganasan yang melibatkan *verbal* pula lebih kepada niat untuk merendahkan, mengejek, mengugut, mencela dan menakutkan orang lain (Kerr, 1994; Dunning, 2000; Robson, 2000).

Di Malaysia, banyak kes membabitkan salah laku penyokong bola sepak dilaporkan, dan hukuman demi hukuman telah dikenakan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) terhadap pasukan bola sepak negeri berkenaan akibat kegagalan mereka menyediakan kawalan keselamatan yang mencukupi dan mengawal tingkah laku penyokong mereka semasa berada di stadium. Peningkatan kadar perlakuan

jenayah dalam kalangan penonton perlawanan bola sepak sangat membimbangkan kerana ia boleh merebak sehingga mengancam nyawa penonton. Pelbagai faktor terlibat dengan salah laku penonton sukan bola sepak. Ia mencakupi faktor keruangan dan bukan keruangan. Di Malaysia salah laku penonton cenderung untuk mendorong kepada jenayah. Ini mengakibatkan permasalahan ini menjadi semakin rumit dan kompleks (Nor-ina Kanyo et al., 2015).

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak di Malaysia. Oleh kerana tiada kajian seumpama ini dilakukan di Malaysia, maka kajian ini adalah bersifat *exploratory* bagi mengenal pasti apakah faktor yang menyebabkan para penyokong bola sepak di Malaysia sering terbabit dalam kejadian salah laku semasa menyaksikan bola sepak secara langsung di stadium? Selain itu, kajian ini juga ingin meneliti adakah terdapat perbezaan antara faktor yang menyumbang kepada salah laku penyokong di Malaysia dengan kejadian seumpamanya di negara-negara lain khususnya negara barat?

## Kaedah kajian

Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah survei. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan data yang diperlukan. Kajian ini menggunakan persampelan bukan kebarangkalian untuk mendapatkan responden kajian. Oleh kerana sukar mendapatkan jumlah sebenar penyokong bola sepak yang hadir ke stadium, dan jumlahnya pula adalah tidak seragam bagi satu-satu perlawanan, maka persampelan bukan kebarangkalian lebih sesuai digunakan. Kajian ini telah menetapkan ciri-ciri responden, terdiri daripada penyokong bola sepak yang hadir menyaksikan perlawanan secara langsung di stadium serta berumur lingkungan 18-50 tahun. Borang soal selidik diedarkan menggunakan kaedah *convenient sampling*, dan soal selidik diedarkan di dalam kawasan stadium. Soal selidik diedarkan sebelum perlawanan bermula, semasa waktu rehat 30 minit antara separuh masa pertama dan semasa tamat perlawanan Seramai 600 orang responden terdiri daripada penyokong pasukan bola sepak Kelantan, Johor, Perak dan Selangor telah dipilih untuk menjawab soal selidik. Keempat-empat penyokong pasukan ini dipilih kerana dikenali sebagai pasukan yang memiliki penyokong fanatik yang ramai, selain seringkali didenda dan dihukum oleh Persatuan Bola sepak Malaysia (FAM) akibat daripada salah laku membabitkan pasukan masing-masing. Para responden terdiri daripada penyokong lelaki dan wanita dalam lingkungan umur 18-50 tahun. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) dan dipersembahkan secara deskriptif frekuensi.

## Hasil kajian dan perbincangan

Sukan yang sifatnya sebagai medium menyatupadukan masyarakat, seharusnya ditonton untuk mengisi masa senggang dan menjadi hiburan bersama keluarga atau rakan-rakan. Namun demikian, ada ketikanya akibat daripada segelintir individu yang tidak bertanggungjawab, objektif sukan itu tidak dapat dicapai. Dalam ribuan penonton yang menyaksikan perlawanan di stadium, masih terdapat segelintir atau sekumpulan penyokong yang bertindak melampaui batas sehingga menimbulkan kekecohan dan mewujudkan keadaan huru hara.

### *Pola salah laku penonton*

Daripada jumlah 600 orang responden kajian, 81% terdiri daripada responden lelaki, selebihnya adalah responden wanita. Jumlah ini bersesuaian dengan komposisi penyokong bola sepak yang dimonopoli oleh golongan lelaki berbanding wanita. Golongan wanita lebih cenderung untuk terlibat dalam salah laku verbal berbanding golongan lelaki yang terlibat secara verbal dan juga fizikal (Jadual 1).

**Jadual 1. Salah laku verbal**

Salah laku verbal	Ya		Tidak		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
Bercakap/berbual	578	96.3	22	3.7	600 (100%)
Mengutuk pemain/pasukan lawan	467	77.8	133	22.2	600 (100%)
Menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pegawai perlawanan	462	77.0	138	23.0	600 (100%)
Provokasi terhadap penyokong lawan	229	38.2	371	61.8	600 (100%)

Sumber: Data lapangan 2015

Jadual 1 menunjukkan antara salah laku yang kerap kali dilakukan oleh para penyokong semasa berada di dalam stadium. Majoriti responden mengakui bahawa mereka sering kali bercakap atau berbual semasa perlawanan sedang berlangsung (96.3%). Perbuatan ini ada kalanya mengganggu fokus penyokong lain yang ingin menyaksikan perlawanan pasukan mereka. Manakala, seramai 77.8% responden terlibat dalam insiden mengutuk pemain dan pasukan lawan. Oleh kerana permainan bola sepak banyak dipengaruhi oleh keputusan yang dibuat oleh pegawai perlawanan khususnya pengadil, seramai 77% responden sering kali menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap pengadil. Hal ini terjadi apabila mereka tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh pengadil seperti memberi sepakan penalti atau memberi kad merah kepada pemain mereka. Laungan pengadil bodoh dan pengadil rasuah acap kali kedengaran di stadium akibat daripada insiden terbabit. Terdapat juga responden yang gemar untuk membuat provokasi kepada penyokong lawan (38.2%), provokasi secara verbal dilakukan sama ada melalui kata-kata lucah, menghina pasukan serta negeri penyokong lawan dan merendah-rendahkan kredibiliti penyokong, pemain serta pasukan lawan.

Menurut Spaijj (2006), salah laku verbal seumpama ini mungkin dilihat sebagai perkara remeh bagi kalangan penyokong bola sepak, tetapi mereka tidak menyedari bahawa aktiviti verbal tersebut secara tidak langsung akan berlarutan sehingga tercetusnya salah laku fizikal. Situasi ini terjadi apabila para penyokong tidak dapat mengawal emosi mereka dan tidak dapat menyerap tekanan dan provokasi yang dilemparkan oleh pihak lawan (Jadual 2).

**Jadual 2. Salah laku fizikal**

Tingkah laku fizikal	Ya		Tidak		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
Merosakkan harta benda awam	304	50.7	296	49.3	600 (100%)
Membaling objek (botol, batu, kayu, duit dll)	229	38.2	371	61.8	600 (100%)
Membaling mercun	69	11.5	531	88.5	600 (100%)
Menyalakan suar	62	10.3	538	89.7	600 (100%)
Bergaduh	220	36.7	380	63.3	600 (100%)
Menunjukkan isyarat lucah	408	68.0	192	32.0	600 (100%)

Sumber: Data lapangan 2015

Salah laku fizikal paling kerap dilakukan oleh para responden adalah menunjukkan isyarat lucah (68.0), isyarat lucah ditunjukkan bukan sahaja kepada penyokong lawan, tetapi juga kepada pemain lawan serta pengadil perlawanan. Selain itu, merosakkan harta benda awam seperti tandas di stadium, kerusi stadium serta pintu masuk ke stadium turut dilakukan oleh responden (50.7%). Sejumlah 38.2% responden pula terlibat dalam aktiviti membaling objek ke kawasan padang. Objek seperti botol minuman, batu, kayu dan mercun sering kali dapat dilihat di kawasan padang akibat daripada segelintir penyokong yang tidak bertanggungjawab. Sebanyak 10.3% responden pula mengakui bahawa mereka pernah membawa masuk dan menyalakan suar semasa perlawanan sedang berlangsung. Malahan, mereka juga menyalakan suar bagi meraikan kemenangan pasukan mereka. Walaupun mercun dan suar merupakan antara barangan yang dilarang daripada dibawa masuk ke dalam stadium, namun demikian terdapat juga segelintir penyokong yang masih mampu menyeludup bahan berkenaan dan menggunakannya. Bergaduh sesama penyokong turut merupakan antara salah laku yang dilakukan oleh penyokong bola sepak di negara ini. Seramai 36.7% responden terlibat dalam insiden pergaduhan yang mana majoriti adalah membabitkan pergaduhan antara penyokong lawan, dan terdapat juga penyokong yang bergaduh dengan anggota keselamatan terutama apabila mereka ingin lari daripada ditangkap.

*Faktor-faktor yang mempengaruhi pola salah laku penonton*

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penyokong untuk tidak mematuhi norma dan peraturan semasa berada di stadium. Hasil daripada survei yang dijalankan (Jadual 3.), sebanyak 96.7 % responden menyatakan bahawa kekecewaan terhadap keputusan pegawai perlawanan terutamanya pengadil menjadi penyebab utama mengapa mereka melakukan perkara yang tidak sepatutnya. Pengadil memainkan peranan yang sangat penting dalam satu-satu perlawanan. Jika pengadil membuat keputusan yang tidak digemari oleh para penyokong seperti memberikan sepakan penalti kepada pemain lawan mahupun melayangkan kad merah kepada pemain tuan rumah, situasi ini boleh menyemarakkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan penyokong (walau keputusan tersebut adalah benar). Maka tidak hairan jika pegawai perlawanan sering menjadi mangsa serangan samada secara verbal mahupun fizikal oleh para penyokong. Kejadian seperti memaki hamun pengadil, laungan ‘pengadil bodoh’, ‘pengadil rasuah’ seringkali kedengaran di stadium. Lebih teruk, ada segelintir penyokong fanatik yang bertindak membaling batu ke arah pengadil dan mengancam akan mencederakan pengadil di luar stadium (Jadual 3).

**Jadual 3. Faktor-faktor yang menyebabkan salah laku dalam kalangan penyokong bola sepak**

Faktor mendorong berlakunya salah laku di stadium	Ya		Tidak		Jumlah
	Bil	%	Bil	%	
Kecewa dengan kekalahan pasukan	570	95.0	30	5.0	600 (100%)
Kecewa dengan keputusan pegawai perlawanan	580	96.7	20	3.3	600 (100%)
Meraikan gol/ kemenangan	526	87.7	74	12.3	600 (100%)
Tidak berpuas hati dengan pengurusan bola sepak negara	347	57.8	253	42.1	600 (100%)
Terpengaruh dengan kelakuan penyokong lain	355	59.2	245	40.8	600 (100%)
Kawalan keselamatan di stadium yang longgar	287	47.8	313	52.1	600 (100%)
Provokasi dari penyokong lawan	310	51.7	290	48.3	600 (100%)

Sebanyak 95% responden menyatakan bahawa kekecewaan akibat daripada kekalahan pasukan menjadi faktor penyokong pasukan bertindak liar. Situasi ini sering berlaku dalam kalangan penyokong fanatik yang tidak dapat menerima kekalahan serta mereka yang mempunyai minat yang mendalam

terhadap pasukan yang disokong. Golongan ini sentiasa mengharapkan kemenangan dapat diraih oleh pasukan, apabila jangkaan mereka tersebut tidak dapat dipenuhi, kecenderungan untuk melakukan keganasan adalah tinggi hasil daripada kekecewaan tersebut (Marimaa, 2011).

Spaij (2006) pernah menerangkan mengenai *celebratory violence* sering berlaku di Eropah. Di Malaysia juga perkara yang sama berlaku. Sebanyak 87.7% responden menyatakan bahawa ianya sebagai salah satu faktor yang menyebabkan para penyokong bertindak keterlaluan. Keghairahan apabila pasukan menjarangkan gol atau mencatat kemenangan menyebabkan para penyokong teruja untuk meraikan dengan pelbagai cara. Ada yang hanya bersorak dan menepuk tangan, tetapi terdapat juga penyokong yang meraikan dengan cara yang salah. Membaling mercun, menyalakan suar dan melakukan provokasi terhadap penyokong lawan merupakan antara bentuk *celebratory violence* yang dilakukan oleh mereka.

Sebanyak 59.2% responden menyatakan bahawa mereka terikut-ikut dengan kelakuan penyokong lain. Apabila berada dalam situasi dipenuhi dengan mereka yang memiliki minat, keghairahan dan jangkaan yang sama, adalah lebih mudah dipengaruhi oleh kelakuan penyokong yang lain. Aktiviti membaling objek, memaki hamun, mengeluarkan kata-kata lucu dan menunjukkan isyarat lucu seringkali menjadi ikutan. Hanya memerlukan seorang untuk memulakan perlakuan tersebut dan apabila ianya dilakukan berulang-ulang kali, penyokong yang lain akan mengikut perlakuan tersebut (Wann & Branscombe, 1992). Hal ini kerana, para penyokong berasa tidak bersalah atas salah laku yang dilakukan kerana bukan mereka seorang yang melakukan perbuatan tersebut. Tambahan pula, peluang untuk ditangkap oleh pihak berkuasa adalah lebih rendah kerana ramai orang melakukan perkara tersebut (Wann et al., 2003).

Selain daripada itu, para responden turut menyatakan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan sistem pengurusan bola sepak negara yang disifatkan berat sebelah terutama apabila menjatuhkan hukuman terhadap pasukan bola sepak negeri (57.8%). Menurut mereka, banyak pasukan terlibat dalam kes membabitkan salah laku penyokong tetapi bentuk dan kadar hukuman berbeza-beza dikenakan oleh FAM terhadap pasukan yang bersalah sehingga membuatkan mereka beranggapan bahawa FAM mengamalkan sikap 'pilih kasih' terhadap sesetengah pasukan bola sepak di negara ini. Selain itu, provokasi dari penyokong lawan juga menjadi salah satu faktor penyumbang kepada salah laku di stadium. Sebanyak 51.7% responden mengakui perkara tersebut, menurut mereka provokasi yang keterlaluan adakalanya sukar untuk ditangani dan bagi penyokong yang mudah terikut dengan emosi. Bola sepak sememangnya tidak bebas daripada elemen provokasi dalam kalangan para penyokong. Provokasi sesama penyokong jika dapat ditangani dengan baik, ianya bukanlah merupakan satu isu yang besar. Namun demikian, yang menjadi masalah bagi para penyokong bola sepak Malaysia ialah memberi reaksi dan tindak balas terhadap provokasi yang dilemparkan. Provokasi seperti mengutuk pasukan lawan, merendahkan kredibiliti pasukan lawan, mencaci pasukan dan penyokong lawan jarang sekali berakhir dengan suasana yang positif. Pasukan yang dicerca pasti akan memberikan tindak balas dengan membalas kembali provokasi yang diberikan. Seterusnya, provokasi yang bermula dengan perang mulut akan berterusan sehingga membabitkan keganasan fizikal. Pihak FAM sendiri menyatakan bahawa para penyokong seharusnya bersabar dalam sebarang bentuk provokasi yang dilakukan bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih tegang (Nur Hafizah Yusoff, 2015).

## Kesimpulan

Sukan yang dahulunya bersifat santai dan gemar ditonton untuk mengisi masa lapang, telah berubah fungsinya akibat daripada proses transformasi, globalisasi dan komersialisasi. Sukan pada masa kini bukan semata-mata untuk mengisi masa senggang, tetapi lebih berorientasikan kepada keuntungan. Keuntungan bukan sahaja kepada pemain yang menerima gaji yang lumayan tetapi juga kepada penyokong yang merasa puas setiap kali dapat melihat pasukan mereka bermain apatah lagi jika mencapai kemenangan. Bola sepak lebih mengujakan untuk ditonton secara langsung di stadium berbanding jika ditonton dirumah atau di kedai makan. Atmosfera yang berbeza, suasana yang lebih meriah menjadikan alasan kenapa penyokong gemar untuk ke stadium menyaksikan pasukan mereka bertanding. Dalam

setiap perlawanan bola sepak, jumlah penonton yang datang ke stadium adalah ramai, apatah lagi jika membabitkan perlawanan yang berprofil tinggi seperti perlawanan akhir.

Jumlah penyokong yang terlalu ramai ini memang cukup baik untuk pembangunan bola sepak kerana itu menunjukkan bahawa bola sepak masih diminati dan pasukan juga masih memiliki ramai penyokong yang setia. Pihak pengurusan juga bakal menikmati keuntungan daripada hasil jualan tiket dan *merchandise* yang lain. Namun demikian, dari sisi yang lain pula kehadiran penyokong yang terlalu ramai membuatkan sukar untuk anggota keselamatan mengawal tingkah laku mereka. Hal ini kerana, tidak semua penyokong yang datang memiliki ketahanan emosi yang cukup tinggi untuk menepis provokasi yang dilemparkan oleh penyokong lawan. Selain itu, tidak semua penyokong yang datang bersedia untuk menerima kekalahan pasukan mereka. Golongan penonton seperti ini yang ada kalanya sukar untuk dikawal jika mereka mudah mengikut emosi dan terikut-ikut dengan kelakuan liar penyokong yang lain. Oleh yang demikian, sebagai seorang penyokong bola sepak, bijak mengawal emosi, tidak mudah terpengaruh dengan provokasi pihak lawan serta tingkah laku penyokong yang lain adalah perkara penting yang perlu dititikberatkan oleh setiap penyokong yang datang ke stadium.

## Rujukan

- Allsop D (1997) *Kicking in the wind: the real life drama of a small town football club*. Headline, London.
- Coakley J (2009) *Sports in society: Issues and controversies*. McGraw-Hill, New York.
- Crabbe T (2008) Fishing for Community: England fans at the 2006 FIFA World Cup. *Soccer and Society* **9**, 3-5.
- Dunning E (2000) Towards a Sociological Understanding of Football Hooliganism as a World Phenomenon. *European Journal on Criminal Policy and Research* **2**, 141-62.
- Fikret R, Bilal C (2005) Agressiveness behaviours of soccer spectators and prevention of these behaviours. *Firat University Journal of Social Science* **15**, 279-287.
- Guttman A (1998) *The appeal of violent sports. In why we watch: the attractions of violent entertainment*. Oxford University Press, New York.
- Houlihan B (2008) *Sport and society: A student introduction*. SAGE Publications Ltd, London.
- Kerr JH (1994) *Understanding Soccer Hooliganism*. Open University Press, Buckingham.
- Kim YK, Trail GA (2010) Conceptual framework for understanding relationship between sports consumers and sport organizations: A relationship quality approach. *Journal of Sport Management* **24**, 190-210.
- Marimaa K (2011) The many faces of fanaticism. *ENDC Proceedings*, Volume 14, pp. 29-55.
- Nur Hafizah Yusoff (2015) Faktor situasi dan pembentukan ruang rekreasi: kajian awal tingkah laku devian para penyokong bola sepak di Malaysia. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* **11** (1), 116-123.
- Nor-Ina Kanyo, Norizan Hj Md Nor, Ruslan Rainis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Norita Jubit (2015) Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* **11** (1), 124-134.
- Nor-Ina Kanyo, Norizan Hj Md Nor, Ruslan Rainis, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, Norita Jubit (2015) Mengurus ruang jenayah: suatu tinjauan dasar pengurangan jenayah di Malaysia. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space* **11** (2), 107-117.
- Robson G (2000) *No one likes us we don't care: The myth and reality of Millwall fandom*. Berg, Oxford, UK.
- Spaaij R (2006) Aspects of Hooligan Violence: A Reappraisal of Sociological Research into Football Hooliganism. *ASSR Working Paper Series*, No. 06/02.
- Wann DL, Branscombe NR (1993) Sport fans: Measuring degree of identification with their team. *International Journal of Psychology* **24**, 1-17.
- Wann DG, Haynes B, McLean, Pullen P (2003) Sport Team Identification and Willingness to Consider Anonymous Acts of Hostile Aggression. *Aggressive Behavior* **29**, 406-413.